

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula modul pembelajaran di sekolah-sekolah memandu yang dikatakan tidak berkesan untuk melahirkan pemandu berhemah

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Baharu telah dilaksanakan pada 14 Julai 2014. Pembangunan KPP Baharu ini adalah hasil semakan semula berteraskan Hasil Pembelajaran (*Learning Outcome Based*) yang merangkumi 3 komponen utama iaitu Kognitif, Afektif dan Psikomotor. Hasrat utama KPP ini adalah untuk menghasilkan pemandu yang mempunyai atribut pemanduan selamat.
2. Kajian keberkesanan KPP Baharu telah dijalankan oleh MIROS pada tahun 2015 dan hasil kajian menunjukkan bahawa KPP Baharu adalah berkesan dalam melahirkan pemanduan berhemah. Kajian ini bertujuan untuk mengukur impak KPP Baharu yang digunakan untuk melatih kemahiran pemanduan dan penunggangan tahap tinggi di kalangan pemandu kereta dan penunggang motosikal baharu di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa purata kadar perubahan dalam indeks masa tindak balas persepsi bahaya (*Hazard Perception Response Time*) yang diukur berdasarkan pengalaman dan pendedahan pemanduan di jalan raya adalah lebih tinggi di kalangan kumpulan KPP baru berbanding kumpulan KPP sebelumnya. Secara umumnya, hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya kesan positif hasil daripada pendedahan terhadap KPP baharu dari segi peningkatan keseluruhan kemahiran mengenal pasti tanggapan bahaya dengan betul di kalangan penunggang dan pemandu baharu.
3. Pihak Kementerian akan sentiasa mengkaji dan menambah baik kurikulum pemanduan sedia ada bagi meningkatkan kualiti pemandu-pemandu kenderaan dalam negara dan secara tidak langsung akan meningkatkan keselamatan jalan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.